

PANDUAN MAKLUMAT

www.sunwaycancercentre.com




PENYINARAN SELURUH BADAN (TBI)

— UNTUK DEWASA —

Penyinaran Seluruh Badan (TBI)

Apakah Penyinaran Seluruh Badan (TBI)?

Penyinaran seluruh badan (TBI) ialah **rawatan radioterapi yang diberikan kepada seluruh badan** sebelum pemindahan sumsum tulang (BMT). Radioterapi menggunakan sinar-X bertenaga tinggi. Rawatan itu sendiri tidak menyakitkan.



Mengapa saya perlu menjalani Penyinaran Seluruh Badan (TBI)?



TBI digunakan untuk pesakit yang menghidap **leukemia, limfoma, mieloma dan beberapa gangguan darah yang jarang berlaku**. Terapi radiasi diberikan sebelum BMT untuk:

- 1 Memusnahkan sel kanser yang mungkin masih tertinggal selepas kemoterapi;
- 2 Melemahkan sistem imun anda (imunosupresi) untuk membantu mencegah penolakan sel stem penderma; dan
- 3 Membolehkan sel sumsum tulang baharu yang sihat tumbuh.

Berapa banyak rawatan radiasi yang akan saya terima?



Biasanya, anda akan menerima **6 fraksi rawatan TBI** dalam tempoh **3 hari**. Ini bermaksud dua rawatan sehari, dengan sekurang-kurangnya enam jam antara setiap rawatan.

Anda akan dimasukkan ke hospital untuk rawatan TBI anda.

Apakah yang boleh saya jangkakan semasa perancangan TBI?

1 Konsultasi awal

Kira-kira 1-2 minggu sebelum TBI, anda akan berjumpa dengan pakar onkologi klinikal. Pakar onkologi klinikal akan menerangkan rawatan ini serta membincangkan manfaat dan kemungkinan kesan sampingan TBI.

Simulasi CT

2

Anda akan diberikan janji temu untuk sesi simulasi CT. Simulasi ialah lawatan perancangan untuk membantu anda bersedia bagi rawatan sebenar.

Semasa lawatan ini, ahli terapi radiasi akan membuat topeng khas yang dibentuk mengikut kesesuaian anda bersama penyandar kepala, serta menggunakan kusyen vakum (Vac-Lok) untuk membantu anda kekal dalam posisi yang betul.



Imbasan CT kemudiannya akan dilakukan untuk menghasilkan imej perancangan rawatan. Lawatan ini mungkin mengambil masa sehingga tiga jam. Selepas janji temu simulasi CT, cuba kalkan berat badan semasa anda bagi membantu memastikan rawatan dapat diberikan dengan tepat dan berkesan.

Apakah yang boleh saya jangkakan semasa rawatan TBI?

Anda akan berbaring di atas katil rawatan dengan alat penetap posisi yang dibuat semasa lawatan simulasi CT anda. Lihat Rajah 1 di bawah.



- ✓ Bahagian tertentu tubuh anda mungkin akan didedahkan secara berperingkat semasa persediaan dan rawatan. Kakitangan akan memberi anda selimut yang suam dan menutup tubuh anda apabila boleh.
- ✓ Mesin radioterapi akan berputar mengelilingi anda semasa memberikan radiasi.
- ✓ Imbasan pengimejan akan dilakukan sebelum rawatan untuk memastikan posisi anda tepat.
- ✓ Rawatan ini tidak menyakitkan.
- ✓ Anda perlu kekal diam sebaik mungkin sepanjang sesi rawatan.

Kesan sampingan TBI

Anda mungkin mengalami kesan sampingan daripada TBI. Kesan ini boleh berbeza antara seorang pesakit dengan pesakit yang lain, dan doktor perunding anda akan membincangkan risiko yang mungkin berlaku semasa proses persetujuan rawatan.

Kesan sampingan utama yang mungkin berlaku semasa rawatan ialah:

Perubahan kulit



Kulit anda mungkin menjadi merah, panas, kering atau sensitif menjelang akhir rawatan. Ini ialah tindak balas yang biasa berlaku. Anda boleh terus mandi seperti biasa. Elakkan sabun berpuang, losen, pendedahan terus kepada cahaya matahari dan penggunaan sabun antiseptik sepanjang tempoh rawatan, kerana perkara ini boleh merengsakan kulit.

Pneumonitis radiasi ialah **keradangan pada paru-paru**. Gejala boleh termasuk batuk kering yang berpanjangan, sesak nafas, ketidakselesaan pada dada atau demam. Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, maklumkan kepada kakitangan perubatan dengan segera kerana rawatan mungkin diperlukan.

Pneumonitis radiasi



Anda mungkin berasa sangat letih, kurang bertenaga dan memerlukan lebih banyak rehat daripada biasa. Ini lazim berlaku semasa rawatan. Seseorang pesakit juga mungkin mengalami keletihan sementara selama beberapa jam selepas setiap sesi rawatan. Rehat yang mencukupi boleh membantu mengurangkan keletihan.

Keletihan



Mulut kering atau sakit



Mulut anda mungkin berasa kering atau sakit. Penjagaan mulut secara berkala dan minum air boleh membantu melegakan ketidakselesaan. Sasarkan untuk minum 1-2 liter air sehari kecuali dinasihatkan sebaliknya. Gunakan berus gigi lembut dan elakkan ubat kumur yang berasaskan alkohol.

Loya dan muntah



Kemoterapi dan radioterapi boleh menyebabkan loya atau muntah. Ubat akan diberikan untuk membantu mengawal gejala ini. Cuba makan makanan yang anda boleh tahan dan minum cecair yang mencukupi untuk kekal terhidrat.

Anda mungkin mengalami selera makan yang berkurang atau perubahan deria rasa semasa rawatan. Cuba makan dalam kuantiti kecil tetapi kerap, dan pilih makanan yang mudah diterima oleh tubuh anda.

Kurang selera



Anda mungkin mengalami cirit-birit atau sembelit. Minum cecair yang mencukupi dan maklumkan kepada kakitangan perubatan jika gejala menjadi teruk atau berpanjangan.

Perubahan tabiat membuang air besar



Xerostomia



Radiasi boleh mengurangkan penghasilan air liur dan menyebabkan **mulut kering**. Minum air dengan kerap dalam kuantiti kecil dan menjaga kebersihan mulut boleh membantu mengawal gejala.

Kesan sampingan jangka panjang

Di bawah ialah beberapa kesan sampingan TBI yang mungkin anda alami beberapa bulan atau tahun selepas rawatan:



Masalah kesuburan

Disebabkan TBI dan dos kemoterapi yang tinggi, anda mungkin tidak dapat hamil atau menyebabkan kehamilan. Pesakit wanita boleh mempertimbangkan pembekuan telur atau embrio sebelum rawatan, manakala pesakit lelaki boleh mempertimbangkan penyimpanan sperma sebelum memulakan kemoterapi.



Perubahan pada paru-paru

TBI boleh menyebabkan keradangan, penebalan atau parut pada tisu paru-paru, yang dikenali sebagai fibrosis pulmonari. Keadaan ini paling kerap berlaku 12 bulan atau lebih selepas TBI dan boleh menyebabkan gejala seperti batuk, bunyi berdehrit semasa bernafas atau sesak nafas. Konsultasi dengan pakar paru-paru adalah disarankan.



Tiroid kurang aktif

Kelenjar tiroid anda menghasilkan hormon yang membantu mengawal metabolisme badan. Jika tiroid kurang aktif, tahap hormon ini mungkin menjadi rendah dan menyebabkan pertambahan berat badan, kulit kering, keletihan dan sembelit. Doktor anda akan memantau tiroid serta tahap hormon melalui ujian darah dan mungkin memberi tablet hormon tiroid jika tahap hormon adalah rendah.



Katarak

Katarak boleh berlaku beberapa tahun selepas rawatan. Jika anda mengalami penglihatan kabur, sila berjumpa doktor mata untuk pemeriksaan.



Risiko kanser kedua

TBI boleh meningkatkan sedikit risiko mendapat kanser kedua pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, risiko ini sangat kecil, risiko ini sangat kecil jika dibandingkan dengan manfaat yang diperolehi daripada rawatan penyakit utama yang dihidapi seperti leukemia, limfoma atau mieloma.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:



+603-7491 9191



+6019-297 1185



smc@sunway.com.my

Pusat Kanser & Radiosurgeri terletak di:
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat 8.30am - 5.30pm
Sabtu 8.30am - 12.30pm
Tutup pada Ahad dan Cuti Umum